

KESAN KEGUNAAN STRATEGI BACAAN UNTUK  
PENGHAYATAN PUISI TERHADAP PENCAPAIAN  
DAN SIKAP PELAJAR IBAN DALAM  
PEMBELAJARAN PUISI

BILLY ANAK LABAU

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2007

**KESAN KEGUNAAN STRATEGI BACAAN UNTUK  
PENGHAYATAN PUISI TERHADAP PENCAPAIAN  
DAN SIKAP PELAJAR IBAN DALAM  
PEMBELAJARAN PUISI**

**BILLY ANAK LABAU**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan  
bagi Ijazah Sarjana Sastera (Pendidikan)**

**Januari 2007**

## PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya, Profesor Madya Dr. Ishak Ramly yang tidak mengira masa, tempat dan tidak putus-putus memberi dorongan, bimbingan dan teguran membina sehingga terhasilnya tesis ini. Rakaman penghargaan juga ditujukan kepada Dekan, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dan pengetua-pengetua sekolah yang berkenaan kerana membenarkan saya menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang dipilih. Terima kasih yang juga saya tujukan kepada Profesor Madya Dr. Mohammad Daud Hamzah, Profesor Madya Dr. Kntayya a/l Mariappan, Dr. Abdul Ghani Abdullah serta rakan-rakan di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan yang banyak memberi bantuan untuk saya menyempurnakan tesis ini.

Akhir sekali jutaan terima kasih yang penuh bererti saya tujukan kepada isteri saya, Mary Fatimah Ak Sibon, yang sejak dari awal hingga ke saat ini tidak jemu-jemu memberi dorongan dan sokongan untuk saya terus belajar dan belajar. Ucapan terima kasih dengan cucuran air mata saya tujukan kepada ibu dan bapa yang disayangi Labau Ak Samun dan Enda Ak Wan tanpa kalian berdua siapalah saya. Sanjungan dan junjungan kasih ditujukan khas kepada seisi keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Untuk anak-anak tersayang Alex Nasu dan Anna Carmila, bapa menghargai pengorban kalian kerana selalu ditinggalkan demi kejayaan bapanya. Sesungguhnya dengan berkat doa dan kecekalan hati untuk menyiapkan tesis ini maka akhirnya tesis ini berjaya saya siapkan.

Billy Anak Labau  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Minden, Pulau Pinang  
Januari 2007

# KANDUNGAN

# MUKA SURAT

|                              |      |
|------------------------------|------|
| PENGHARGAAN                  | ii   |
| KANDUNGAN                    | iii  |
| LAMPIRAN                     | ix   |
| SENARAI RAJAH                | x    |
| SENARAI JADUAL               | xi   |
| SINGKATAN                    | xiii |
| ABSTRAK                      | xv   |
| ABSTRACT                     | xvi  |
| <br>                         |      |
| <b>BAB I      PENGENALAN</b> |      |
| 1.0    Pengenalan            | 1    |
| 1.1    Pernyataan Masalah    | 4    |
| 1.2    Objektif Kajian       | 10   |
| 1.3    Soalan Kajian         | 11   |
| 1.4    Hipotesis Kajian      | 12   |
| 1.5    Kepentingan Kajian    | 14   |
| 1.6    Batasan Kajian        | 17   |
| 1.7    Definisi Operasional  |      |
| 1.7.1    Strategi Pengajaran | 18   |
| 1.7.2    Puisi               | 19   |
| 1.7.2.1    Pantun            | 19   |

|  |    |
|--|----|
| 1.7.2.2 Syair                                | 20 |
| 1.7.3 Penghayatan                            | 20 |
| 1.7.4 Strategi Pengajaran Bacaan Penghayatan | 21 |
| 1.7.5 Sikap                                  | 22 |
| 1.7.6 Pencapaian                             | 23 |
| 1.7.7 Strategi Pengajaran Bacaan Eklektik    | 23 |
| 1.8 Kesimpulan                               | 23 |

## **BAB II TINJAUAN BACAAN KAJIAN BERKAITAN**

|  |    |
|--|----|
| 2.0 Pengenalan   | 25 |
| 2.1 Pengajaran Penghayatan Puisi                               | 25 |
| 2.2 Penggunaan Bahan Sastera dalam Pendidikan Bahasa ( Komsas) | 37 |
| 2.2.1 Puisi Tradisional Pantun dan Syair                       | 39 |
| 2.2.2 Pantun dalam Asuhan Budi dan Keindahan                   | 48 |
| 2.2.3 Syair  | 53 |
| 2.3 Teori-Teori Linguistik                                     | 55 |
| 2.4 Teori Pemerolehan Bahasa                                   | 66 |
| 2.5 Teori Pembelajaran   | 69 |
| 2.5.1 Teori Tingkah Laku (Bihavioral)                          | 72 |
| Albert Bandura & Walter : Belajar dengan Meniru                | 82 |
| 2.5.2 Teori Kognitif   | 85 |

|       |   |     |
|-------|---|-----|
| 2.5.3 | Jean Piaget : Perkembangan Kognitif                         | 89  |
| 2.5.4 | Jerome Brunner : Pembelajaran Penemuan<br>(Konstruktivisme) | 92  |
| 2.5.5 | Teori Pembelajaran Melalui Pengalaman                       | 99  |
| 2.6   | Konsep dan Teori Bacaan                                     | 102 |
| 2.6.1 | Bacaan Penghayatan  | 109 |
| 2.7   | Kerangka Teori  | 124 |
| 2.8   | Orientasi Nilai Melalui Pantun dan Syair                    | 125 |
| 2.9   | Kajian-Kajian Tentang Pendekatan Pengajaran                 | 132 |
| 2.10  | Kesimpulan  | 148 |

### **BAB III KAEDAH PENYELIDIKAN**

|       |  |     |
|-------|--|-----|
| 3.0   | Pengenalan                               | 150 |
| 3.1   | Reka Bentuk Kajian                       | 151 |
| 3.2   | Alat Kajian                              | 151 |
| 3.2.1 | Ujian                                    | 152 |
| 3.2.2 | Soal Selidik                             | 152 |
| 3.3   | Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian | 153 |
| 3.4   | Populasi dan Persampelan Subjek Kajian   | 155 |
| 3.4.1 | Kumpulan Eksperimen                      | 156 |
| 3.4.2 | Kumpulan Kawalan                         | 157 |
| 3.5   | Kerangka Kajian                          | 158 |

|        |                               |     |
|--------|-------------------------------|-----|
| 3.6    | Kawasan Kajian                | 159 |
| 3.7    | Cara Menjalankan Kajian       | 163 |
| 3.8    | Ujian                         | 162 |
| 3.8.1  | Praujian                      | 163 |
| 3.8.2  | Pascaujian                    | 164 |
| 3.8.3  | Ujian Pencapaian              | 164 |
| 3.8.4  | Ujian Penghayatan             | 166 |
| 3.9    | Rancangan Pengajaran          | 167 |
| 3.9.1  | Prosedur Pengajaran           | 168 |
| 3.10   | Pengumpulan Data              | 169 |
| 3.11   | Penganalisan Data             | 169 |
| 3.11.1 | Analisis Statistik Deskriptif | 170 |
| 3.11.2 | Analisis Statistik Inferensi  | 170 |
| 3.12   | Kesimpulan                    | 171 |

#### **BAB IV      ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

|     |                                   |     |
|-----|-----------------------------------|-----|
| 4.0 | Pengenalan                        | 173 |
| 4.1 | Taburan Skor Pemboleh ubah Kajian | 175 |
| 4.2 | Hipotesis 1                       | 177 |
| 4.3 | Hipotesis 2                       | 178 |
| 4.4 | Hipotesis 3                       | 180 |
| 4.5 | Hipotesis 4                       | 181 |

|              |   |     |
|--------------|---|-----|
| 4.6          | Hipotesis 5   | 182 |
| 4.7          | Hipotesis 6   | 183 |
| 4.8          | Kesimpulan  | 184 |
| <br>         |   |     |
| <b>BAB V</b> | <b>PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>  |     |
| <br>         |   |     |
| 5.0          | Pengenalan  | 186 |
| 5.1          | Rumusan Kajian  | 186 |
| 5.2          | Dapatan Kajian  | 190 |
| 5.3          | Perbincangan  | 192 |
| 5.3.1        | Sejauh Mana Berlaku Perubahan Pencapaian Murid Iban yang Menerima Rawatan Strategi Pengajaran Bacaan Penghayatan Berbanding dengan Strategi Pengajaran Bacaan Eklektik?                               | 192 |
| 5.3.2        | Adakah Terdapat Perbezaan Penghayatan Murid Iban yang Menerima Rawatan Melalui Strategi Pengajaran Bacaan Penghayatan Berbanding dengan Murid Iban yang Menerima Strategi Pengajaran Bacaan Eklektik? | 197 |
| 5.3.3        | Adakah Terdapat Hubungan di antara Pencapaian dengan Lokasi Sekolah Murid yang Menerima Rawatan Strategi Pengajaran Bacaan Penghayatan dengan   |     |

|  |     |
|--|-----|
| Strategi Pengajaran Bacaan Eklektik?   | 198 |
| 5.3.4 Adakah Terdapat Perbezaan Pencapaian antara Murid Lelaki dan Perempuan yang Menerima Rawatan Melalui Strategi Pengajaran Bacaan Penghayatan dan Strategi Eklektik? | 199 |
| 5.4 Implikasi Dapatan Kajian   | 200 |
| 5.5 Cadangan Kajian Lanjutan   | 207 |
| 5.6 Kesimpulan   | 210 |
| <b>BIBLIOGRAFI</b>   | 211 |

**LAMPIRAN****MUKA SURAT**

|          |    |   |     |
|----------|----|---|-----|
| Lampiran | 1  | Latihan   | 220 |
| Lampiran | 2  | Kegiatan Sepanjang Eksperimen (8 Minggu)                      | 228 |
| Lampiran | 3  | Rancangan Mengajar Harian Bahasa Melayu<br>Sekolah Eksperimen | 231 |
| Lampiran | 4  | Rancangan Mengajar Harian Bahasa Melayu<br>Sekolah Kawalan    | 240 |
| Lampiran | 5  | Ujian Pencapaian  | 249 |
| Lampiran | 6  | Borang Soal Selidik   | 259 |
| Lampiran | 7  | Pantun Mengenang Nasib  | 263 |
| Lampiran | 8  | Pantun-Kiasan   | 264 |
| Lampiran | 9  | Pantun Enam Kerat   | 265 |
| Lampiran | 10 | Pantun Lapan Kerat  | 266 |
| Lampiran | 11 | Syair Pembunuhan Angerni                                      | 267 |
| Lampiran | 12 | Syair Dandan Setia dan Intan Terpilih                         | 268 |
| Lampiran | 13 | Syair Jong Pecah  | 269 |
| Lampiran | 14 | Syair Kelebihan Ilmu  | 271 |
| Lampiran | 15 | Surat Kebenaran dari Kementerian<br>Pelajaran Malaysia        | 272 |
| Lampiran | 16 | Surat Kebenaran daripada Jabatan<br>Pelajaran Negeri Sarawak  | 273 |

## SENARAI RAJAH

## MUKA SURAT

|               |  |     |
|---------------|--|-----|
| Rajah 2.1     | Konsep Pengajaran Penghayatan Sastera            | 31  |
| Rajah 2.2     | Faktor-Faktor yang Mempengaruhi<br>Kebolehbacaan | 117 |
| Rajah 2.3     | Kerangka Teori                                   | 124 |
| Rajah 3.1     | Kerangka Kajian                                  | 158 |
| Rajah 4.1 (b) | Taburan Skor Pencapaian                          | 176 |

## SENARAI JADUAL

|   | MUKA SURAT |
|---|------------|
| Jadual 1.1 Penglibatan Pelajar dalam Jenayah<br>(2000 – 2003)                     | 5          |
| Jadual 1.2 Pencapaian Pelajar Mengikut Kaum<br>Bahasa Melayu SPM 2003             | 8          |
| Jadual 2.1 Teori-Teori Pembelajaran   | 71         |
| Jadual 2.2 Peringkat dan Jenis Pemikiran  | 105        |
| Jadual 3.1 Taburan Item Bagi Item Soal Selidik                                    | 136        |
| Jadual 3.2 Skala Likert 5 Mata  | 136        |
| Jadual 3.3 Bilangan Responden Terlibat  | 138        |
| Jadual 3.4 Pencapaian Bahasa Melayu PMR (2002)                                    | 142        |
| Jadual 3.5 Pencapaian Bahasa Melayu PMR Mengikut Jantina<br>dan Sekolah (2002)    | 142        |
| Jadual 3.6 Pantun dan Syair yang Terlibat Dalam Kajian                            | 150        |
| Jadual 4.0 Taburan Bilangan Murid-murid Iban dari<br>Setiap Kumpulan              | 157        |
| Jadual 4.1 (a) Taburan Skor Min Peningkatan                                       | 158        |
| Jadual 4.1 (c) Ujian - t Berpasangan Terhadap Skor Min<br>Praujian dan Pascaujian | 159        |

|                |  |     |
|----------------|--|-----|
| Jadual 4.2 (a) | Min Praujian dan Pascaujian Bagi Setiap<br>Penghayatan Secara Keseluruhan  | 160 |
| Jadual 4.2 (b) | Ujian - t Menunjukkan Kesan Strategi Pengajaran<br>Bacaan Penghayatan Terhadap Pencapaian Bagi<br>Soalan Penghayatan | 161 |
| Jadual 4.3     | Dapatan Analisis ANOVA Terhadap<br>Skor Min Pencapaian   | 162 |
| Jadual 4.4     | Ujian - t Menunjukkan Kesan Strategi Pengajaran<br>Bacaan Penghayatan Terhadap Sikap (N = 34)                        | 163 |
| Jadual 4.5     | Dapatan Kolerasi Pearson Hubungan Antara<br>Pencapaian dengan Sikap Murid-murid                                      | 164 |
| Jadual 4.6     | Ujian - t Menunjukkan Kesan Strategi Pengajaran<br>Bacaan Penghayatan Terhadap Penghayatan<br>(N = 34)               | 165 |
| Jadual 4.7     | Dapatan Analisis ANOVA Terhadap Skor Min<br>Pencapaian   | 166 |
| Jadual 4.8     | Hipotesis, Signifikan dan Keputusan Ujian Pencapaian<br>Penghayatan  | 168 |

## SINGKATAN

|        |  |
|--------|--|
| T.G    | Transformasi Generatif                 |
| HPU    | Hasil Pembelajaran Utama               |
| HPK    | Hasil Pembelajaran Khusus              |
| HHP    | Huraian Hasil Pembelajaran             |
| KNT    | Kemahiran Nilai Tambah                 |
| ABM    | Alat Bantu Mengajar                    |
| PMR    | Penilaian Menengah Rendah              |
| SPBP   | Strategi Pengajaran Bacaan Penghayatan |
| Komsas | Komponen Sastera                       |
| SES    | Status Sosial Dan Ekonomi              |
| SPM    | Sijil Pelajaran Malaysia               |

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan strategi pengajaran bacaan penghayatan terhadap pengajaran puisi tradisional (pantun dan syair) dalam kalangan murid-murid berbangsa Iban tingkatan IV di dua buah Sekolah Menengah di daerah Saratok, Sarawak. Aspek-aspek yang menjadi perhatian kajian ialah kefahaman, penghayatan dan sikap murid-murid Iban terhadap pengajaran pantun dan syair. Kajian ini menggunakan kaedah kuasi eksperimen dan dijalankan selama lapan minggu. Sampel kajian ramai 68 orang murid yang terdiri daripada murid-murid lelaki dan perempuan. 34 sampel dijadikan kumpulan eksperimen dan 34 orang murid-murid lagi dijadikan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen diajar dengan menggunakan strategi pengajaran bacaan penghayatan sementara kumpulan kawalan diajar dengan menggunakan strategi pengajaran eklektik. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan soal selidik, praujian dan pascaujian dijalankan secara berperingkat-peringkat sepanjang eksperimen berlangsung. Data-data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan program SPSS Vision VII dan ujian -t digunakan bagi melihat perbezaan pencapaian murid-murid. Analisis statistik menunjukkan berlaku peningkatan min 0.102, sisihan piawai 1.27 kepada kumpulan eksperimen. Maka penyelidik membuat kesimpulan bahawa strategi pengajaran bacaan penghayatan merupakan strategi yang signifikan dan berkesan untuk memenuhi matlamat pengajaran-pembelajaran pantun dan syair. Strategi pengajaran bacaan penghayatan berkesan dalam usaha untuk memasukkan unsur-unsur pantun dan syair dalam pengajaran bahasa Melayu.

Dengan ini semangat mencintai budaya bangsa melalui sastra dapat dikembangkan kepada murid-murid Iban. Strategi pengajaran bacaan penghayatan sesuai untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid-murid Iban di sekolah menengah melalui penerapan Komsas dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

# THE EFFECTS OF READING STRATEGY USE IN THE APPRECIATION OF POETRY ON ACHIEVEMENT AND ATTITUDE TOWARD THE LEARNING OF POETRY AMONG IBAN STUDENTS

## ABSTRACT

The aim of this study is to see the effectiveness of the traditional (pantun and syair) to the Form 4 Iban students in two secondary schools in Saratok, Sarawak District. The main focus of the study is on the comprehension, expression and the attitude of the study toward the teaching of traditional poetry (pantun and syair). The study is conducted within 8 weeks. There are 68 form 4 male and female students taken as sampel of the study. 34 student form Saratok Secondary School are taken as experimen group while 34 students from Bahasa Malaysia Secondary School are taken as control group. The experiment group is taught by using expression reading technique and the control group is taught by using eckletic technique or traditional. The data is collected by using a set of questionnaire, pre-test and post-test conducted in stages. It is analised by using ANOVA and t- test to see the difference of the students achievement. Based on the statistical analyses states that min 0.102, sd 1.27 therefore conclusion the researcher think that the expression reading technique is relevant and effective in fulfilling the teaching-learning strategies of traditional poetry (pantun and syair). It is also effective in developing the effort to love the learning of cultural heritage. It is also relevant in effort to encourage the reading habit in the society parallel to the concept of literature component in the teaching of the Malay language (bahasa Melayu).

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.0 Pengenalan

Dalam konteks pembangunan model insan Najib Razak (1996), berpendapat pendidikan dapat memainkan peranan utama bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia negara maju. Najib Razak (2006) menegaskan Kurikulum Pendidikan Negara perlu mengandungi unsur-unsur pendidikan yang dapat membantu murid-murid memiliki sifat-sifat positif dan mulia seperti kemampuan berdaya saing bagi memastikan pembangunan perababan bangsa dan negara berjalan lancar seperti yang dirancangkan. Sifat positif dan mulia ini dapat diserapkan melalui pendidikan bahasa Melayu olahan semula Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dengan memasukkan komponen sastera (komsas) bagi tujuan membentuk jati diri generasi muda supaya berhemah tinggi, menghargai nilai-nilai peradaban kemanusiaan dengan cintakan kebijaksanaan melalui aktiviti membaca. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003)

Walaupun hasrat Malaysia mencapai status negara maju tetapi nilai budaya dan jati diri bangsa Malaysia harus dikekalkan bagi melambangkan Malaysia sebuah negara yang aman dan harmoni. Melalui pendidikan bahasa

Melayu diyakini dapat menyatupadukan dan menanam nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda. Fatimah Subet (1999), menyatakan orang Melayu amat mementingkan hal-hal yang bersangkutan dengan kesantunan dan kesopanan. Contohnya, dalam apa sahaja yang dibualkan, didapati bahawa sikap berselindung masih diamalkan. Mereka tidak mahu berterus terang dalam banyak hal, mereka suka berkias dan beribarat. Rahman Shaari (2001), Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2003) menyatakan bunga-bunga bahasa atau bahasa kiasan ialah ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri dan Kamaruzzaman Abd Kadir dan Ramli Isin (2005). Perkara ini diakui sendiri oleh Asmah Omar (1995), yang menyatakan bahawa kesopanan, kesantunan dan berselindung dalam kebudayaan orang Melayu merupakan amalan kebudayaan dalam kalangan orang Melayu. Orang Melayu kaya dengan konsep budi bahasa. Hakikat ini jelas dilambangkan melalui ungkapan berikut 'biar mati anak, jangan mati adat' dan 'bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat'.

Dalam pendidikan bahasa, pemupukan nilai dan kesantunan diri boleh dipupuk melalui pantun dan syair. Abdul Rahman Al-Ahmadi (1966), dan Ishak Ramly (1988), Kementerian Pendidikan Malaysia (1992), Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2003) sependapat menyatakan pantun dapat digunakan bagi melahirkan makna yang tersurat dan tersirat. Kedua-dua puisi ini digunakan sebagai alat aspirasi bagi melahirkan daya kreatif dan perasaan

serta boleh digunakan untuk menguji kecekapan individu mengkomposisikan di antara keindahan alam dan pengilhaman akal. Hakikat ini terbukti melalui acara pertandingan pantun seponan atau pantun seponan yang digunakan dalam majlis-majlis adat. Pantun dan syair dicipta mengikut ketekalan akal baik secara langsung atau tidak langsung memungkinkan pantun dan syair yang dibaca itu diterjemahkan ke dalam berbagai pengertian dan makna berdasarkan konteks dan keadaan. Melalui jalinan, gubahan bahasa yang ringkas dan padat serta gaya, ragam, bentuk pantun dan syair dapat berdiri dengan kukuh sehingga dapat merentasi pendidikan serta kebudayaan.

Kajian ini akan mengenal pasti kesan strategi pengajaran bacaan penghayatan puisi tradisional (pantun dan syair) dalam kalangan murid-murid Iban. Kajian ini cuba mengenal pasti kemampuan murid-murid Iban membaca, melafazkan pantun dan syair dengan gaya, intonasi, jeda dan irama yang tepat. Setelah murid-murid Iban dapat menguasai makna yang terdapat dalam pantun dan syair, murid-murid diasuh menyepadukan pengajaran yang diperoleh melalui pantun dan syair untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian. Amalan ini bertujuan bagi membentuk insan yang sempurna.

Berbagai-bagai pendekatan, teknik dan strategi bacaan telah diamalkan dalam pendidikan bahasa Melayu tetapi strategi .bacaan penghayatan amat kurang dilaksanakan oleh guru secara langsung dalam pengajaran bahasa Melayu. Guru kerap menggunakan strategi pengajaran

eklektik atau tradisional. Pengajaran guru lebih berorientasikan struktural dengan memberikan penekanan kepada isi pelajaran dan kurang menghubungkan isi pelajaran dengan kehidupan seharian bagi melahirkan murid-murid yang cekap berbahasa dan berhemah tinggi.

Pendidik bahasa Melayu kurang memberi pertimbangan kepada perkembangan afektif . Perkembangan afektif murid yang diterapkan melalui pendidikan bahasa Melayu dapat membentuk sahsiah diri murid terutama melalui pendidikan Komsas (Huraian Sukatan Pelajaran KBSM Tingkatan IV dan V, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Melalui strategi pengajaran bacaan penghayatan murid-murid dapat dibentuk tingkah laku luaran dan dalaman. Murid-murid juga dapat merasai dan menghayati kesan daripada sesuatu tindakan yang dilakukan kerana murid-murid dibiasakan dengan menilai antara kebaikan dan keburukan. Strategi pengajaran bacaan penghayatan berpaksikan kefahaman dan penghayatan yang diolah dengan berdasarkan teks komponen sastera (Komsas).

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Keruntuhan moral dengan melakukan perbuatan yang bertentangan dengan nilai-nilai murni dalam kalangan remaja semakin menjadi-jadi. Antara

punca berlakunya keruntuhan moral ini mungkin disebabkan oleh kurang membaca bahan-bahan yang berunsur pengajaran dan pemupukan nilai agama dan kemanusiaan yang diadun dalam bahan-bahan berunsur sastera. Implikasi daripada sikap kurang membaca menyebabkan pencapaian pelajaran anak muda yang bersekolah semakin merosot terutama dalam kalangan murid-murid Melayu dan Bumiputera.

**Jadual 1.1**  
**Penglibatan Pelajar Dalam Jenayah (2000-2002)**

| Kaum      | Tahun          |                |              |
|-----------|----------------|----------------|--------------|
|           | 2000           | 2001           | 2002         |
| Melayu    | 2,037<br>(67%) | 1,882<br>(69%) | 898<br>(74%) |
| Cina      | 470<br>(16%)   | 401<br>(15%)   | 152<br>(13%) |
| India     | 292<br>(11%)   | 300<br>(11%)   | 105<br>(9%)  |
| Lain-Lain | 183<br>(6%)    | 131<br>(5%)    | 47<br>(4%)   |
| Jumlah    | 2982           | 1814           | 1202         |

(Sumber : Prestasi Rakyat 2004 , ms :13)

Jadual 1.1 menggambarkan penglibatan murid-murid dalam kegiatan jenayah dalam tahun 2000 hingga 2002. Dari segi bilangan kes di dapati semakin berkurangan dari tahun 2000 ke tahun 2002 iaitu dari 2982 kes jenayah kepada 1202 kes jenayah dalam tahun 2002. Pengurangan ini sebanyak 1780 kes. Walau bagaimanapun dari segi peratus didapati bilangan penglibatan pelajar dan jenayah semakin meningkat. Apakah gejala ini hendak dibiarkan tanpa diambil tindakan untuk mengekanginya?

Kajian membaca yang dijalankan dalam kalangan muda-mudi mendapati golongan remaja kurang minat membaca. Dewan Bahasa dan Pustaka (1983) dan Mortimer J. Adler dan Charles Van Doren (1989) mendapati golongan remaja lebih gemar membaca majalah-majalah hiburan dan sukan berbanding dengan majalah berbentuk akademik. Berbagai-bagai langkah telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menerapkan unsur-unsur kesopanan dan kemuliaan melalui pendidikan. Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan komponen sastera (Komsas) dalam mata pelajaran bahasa Melayu bagi meningkatkan kuasa membaca dalam kalangan generasi muda. Melalui Komsas murid-murid dapat meningkatkan gaya pemikiran, mengenai hidup dan kehidupan universal, mengenal baik dan buruk (nilai-estika), mengenal benar atau salah (rasional ilmu) dan mengenai cara hidup sendiri dan bangsa (budaya) selaras dengan kemajuan dan peningkatan kecerdasan emosi. (Mohd Azhar Abdul Hamid 2004; Daniel Goleman 2003 dan Dahlia Janan 2004).

Bahan sastera kaya dengan unsur-unsur seni yang indah lagi bermakna kerana melalui bahan sastera dapat menghidupkan sifat kemanusiaan diri, membina diri ke arah pembentukan insan syumul selaras dengan kehidupan. Manusia yang dilahirkan melalui penghayatan terhadap sastera dapat merealisasikan kecintaan kepada hidup dan kehidupan melalui ransangan kreativiti dan pemupukan rasa jati diri sebagai bangsa mulia.

Melalui penghayatan terhadap bahan-bahan sastera dapat membentuk akal budi manusia.

Menurut Ishak Ramly (2006, 2004, 2002), Yahya Othman (2004), Kementerian Pendidikan Malaysia (1990 dan 1992) menyatakan pengajaran Komsas dalam pendidikan bahasa Melayu dapat meningkatkan minat membaca, mengenali, menghayati dan menghargai karya sastera, menghasilkan karya sastera yang kreatif, menguruskan emosi sendiri dan memotivasikan emosi negatif, mewujudkan empati dan mampu mengendalikan hubungan dengan orang lain, melahirkan ungkapan penghayatan kreatif, merasai unsur-unsur keindahan dalam karya-karya sastera, mencintai dan memahaminya sebagai keunggulan warisan budaya.

Pernyataan hasrat dan matlamat kurikulum bahasa Melayu adalah jelas dan mudah untuk membudayakan murid-murid dengan unsur-unsur kemanusiaan dan kecintaan kepada negara dan bangsa. Apa yang menjadi persoalan utama ialah dapatkah guru-guru menterjemah dan memindahkan matlamat dan objektif yang tersurat dan tersirat kepada murid-murid yang berbagai bangsa dan latar belakang kebudayaan, ekonomi dan kepercayaan (Koh Boh Boon (1989); Saedah Siraj (1987, 1982); Azman Wan Chik (1982); Kementerian Pendidikan Malaysia 1990) dan Ishak Ramly (1991). Realiti ini dapat dibuktikan melalui jadual 1.2 di bawah yang menunjukkan pencapaian bahasa Melayu bukan bumiputra masih rendah dan kebanyakan berada di gred D7 dan E8 sahaja.

**Jadual 1:2**  
**Pencapaian Pelajar Mengikut Kaum**  
**Sijil Pelajaran Malaysia**  
**Bahasa Melayu**  
**2002**

| Kaum                | Bilangan | Cemerlang<br>(A1,A2) | Kepujian<br>(B3,B4,B5,B6) | Lulus<br>(D7,E8) | Jumlah<br>Lulus<br>(A1 - E8) |
|---------------------|----------|----------------------|---------------------------|------------------|------------------------------|
|                     |          | %                    | %                         | %                | %                            |
| Bumiputera          | 244,997  | 19.4                 | 48.6                      | 25.2             | 93.2                         |
| Bukan<br>Bumiputera | 106,717  | 13.7                 | 34.6                      | 27.9             | 76.2                         |

**(Sumber : Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia,  
2003 : 91, dalam Idris Md. Noor, 2004 : 91)**

Berdasarkan perakuan dan sumber di atas didapati guru kurang memberi tumpuan kepada strategi pengajaran. Guru menggunakan gaya bacaan yang sama bagi setiap bahan sastera terutama dari segi intonasi, jeda, irama dan nada. Kelemahan gaya bacaan ini menyebabkan murid-murid tidak dapat mengesan kepelbagaian makna dari hasil pembacaan bahan sastera. Keadaan ini menjadi semakin rumit kepada guru untuk mengadunkan empat kehendak pengajaran. Kehendak ini memastikan gubahan bahasa, pemikiran dan adunan nilai serta estetika. Azman Wan Chik (1986), menjelaskan kesannya ramai guru dalam satu-satu sesi pengajaran menggunakan strategi pengajaran, 'apa yang guru tahu dan apa yang guru suka'. Walaupun murid-muridnya berasa bosan dan pasif.

Walaupun berbagai-bagai strategi pengajaran diperkenalkan tetapi guru masih kurang bersedia mengikuti perubahan strategi yang dicadangkan.

Dengan ini menjadikan pengajaran guru berbelah bagi untuk mengikuti strategi baru dan amalan pengajaran secara eklektik kerana guru lebih yakin dengan pengajaran cara lama dan tidak mahu mencuba pengajaran yang baru walaupun terbukti berkesan kepada murid-murid. Walaupun banyak kajian dijalankan seperti Zaharuddin Zamin (1999), Ishak Ramly (1987), mendapati guru masih mengamalkan strategi pengajaran eklektik ketika mengajar ketika mengajar dan berdepan dengan pengajaran pantun dan syair.

Suatu masalah besar yang dihadapi oleh guru ketika mengajar bahasa Melayu dengan menggunakan pantun dan syair ialah murid-murid beranggapan belajar pantun dan syair tidak mendatangkan pulangan ekonomi dalam era pendidikan global. Murid-murid berpendapat pantun dan syair merupakan dendangan di zaman kanak-kanak, upacara hiburan dan kebudayaan sahaja. Bagi mengatasi masalah ini kepelbagaian alternatif baru untuk menghidupkan kembali nilai, sumbangan pantun dan syair kepada perkembangan pemikiran perlu dicari supaya pengajaran guru lebih menarik dan bermakna terutama dalam kalangan bukan penutur jati bahasa Melayu. Dari segi sejarah telah terbukti Bahasa Melayu diguna pakai dalam semua sektor pengurusan, politik, ekonomi dan kebudayaan. Oleh itu kewujudan penggunaan mata pelajaran Bahasa Melayu untuk memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan murid tidak perlu disangkalkan lagi.

Menurut Asmah Omar (1978), bahasa Melayu sudah menjadi bahasa pengantar di rantau ini dan bahasa-bahasa yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan bahasa Melayu, termasuk bahasa Iban, Bidayuh, Bisaya, Lun Bawang dan bahasa sukuan yang lain. Pandangan ini disokong oleh Abdullah Hassan (1989), menghuraikan antara bahasa-bahasa yang penting di Malaysia Timur ialah Iban, Kedazan, Bidayuh, Melanau, Bisaya, Murut, Kelabit, Kayan, Kenyah dan Penan. Bahasa-bahasa ini adalah bahasa bumiputera di Sabah, Sarawak dan juga bahasa Jawa, Aceh, Mandaling dan sebagainya yang dibawa masuk ke Malaysia Timur oleh kaum pendatang dari Indonesia. Oleh yang demikian, penyelidik ingin melihat sejauh mana murid-murid dapat menghayati bahasa Melayu menerusi strategi pengajaran bacaan penghayatan dalam pengajaran pantun dan syair.

Kajian yang akan dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pencapaian penghayatan, sikap murid-murid melalui strategi bacaan penghayatan dalam pengajaran pendidikan bahasa Melayu dengan menggunakan pantun dan syair. Melalui strategi pengajaran bacaan penghayatan ini diharap murid-murid Iban dapat memahami dan menghayati pantun dan syair yang kaya dengan unsur-unsur nilai dan budaya masyarakat Malaysia.

## **1.2 Objektif Kajian**

Fokus kajian ini ditumpukan kepada perkara-perkara berikut;

- i. Mengesan pencapaian murid-murid Iban terhadap pantun dan syair melalui strategi pengajaran bacaan penghayatan
- ii. Mengetahui hubungan di antara status sosial dan ekonomi dengan pencapaian melalui strategi pengajaran murid-murid Iban lelaki dan perempuan
- iii. Mengenal pasti penghayatan murid-murid Iban melalui strategi pengajaran bacaan penghayatan terhadap pembelajaran pantun dan syair.
- iv. Mengetahui sikap pelajar Iban terhadap (pantun dan syair)
- v. Mengenal pasti perbezaan pencapaian antara murid-murid lelaki dan perempuan yang mengikuti rawatan strategi pengajaran bacaan penghayatan melalui pantun dan syair
- vi. Mengenal pasti hubungan antara pencapaian dan penghayatan murid-murid Iban kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan

### **1.3 Soalan Kajian**

Kajian ini diharap memperolehi jawapan yang empiris bagi menjawab soalan-soalan kajian yang berikut;

- i. Sejauh mana berlaku perubahan pencapaian murid-murid Iban yang menerima rawatan strategi pengajaran bacaan penghayatan berbanding dengan strategi pengajaran bacaan eklektik

- ii. Adakah terdapat perbezaan penghayatan murid-murid Iban yang menerima rawatan melalui strategi pengajaran bacaan penghayatan berbanding dengan murid-murid Iban yang menerima strategi pengajaran bacaan eklektik
- iii. Adakah terdapat hubungan di antara pencapaian dengan lokasi sekolah murid-murid yang menerima rawatan strategi pengajaran bacaan penghayatan dengan strategi pengajaran bacaan eklektik
- iv. Adakah terdapat perbezaan pencapaian antara murid-murid lelaki dan perempuan yang menerima rawatan melalui strategi pengajaran bacaan penghayatan dan strategi pengajaran bacaan eklektik

#### **1.4 Hipotesis Kajian**

Kajian ini akan menjawab hipotesis nul seperti dinyatakan di bawah;

Ho 1: Tiada terdapat perbezaan min yang signifikan bagi tahap pencapaian antara murid-murid yang didedahkan dengan strategi pengajaran bacaan penghayatan dengan kumpulan murid-murid yang mengikuti strategi pengajaran bacaan eklektik

Ho 2: Tiada terdapat perbezaan min yang signifikan dari segi status sosial dan ekonomi (SES) murid-murid lelaki dan perempuan dengan tahap pencapaian yang mengikuti strategi pengajaran

bacaan penghayatan dalam pantun dan syair berbanding dengan strategi pengajaran bacaan eklektik

- Ho 3 : Tiada terdapat perbezaan min yang signifikan dari segi sikap di Antara kumpulan yang menerima pengajaran melalui strategi pengajaran bacaan penghayatan dengan strategi pengajaran bacaan eklektik
- Ho 4 :Tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian dan sikap murid-murid Iban yang menerima strategi pengajaran bacaan penghayatan dengan strategi pengajaran bacaan eklektik
- Ho 5: Tiada terdapat perbezaan yang signifikan di antara penghayatan murid-murid Iban yang menerima rawatan melalui strategi pengajaran bacaan penghayatan dengan strategi pengajaran bacaan eklektik
- Ho 6: Tiada terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap dan penghayatan murid-murid yang menerima rawatan melalui strategi pengajaran bacaan penghayatan dengan strategi pengajaran bacaan eklektik dalam pengajaran pantun dan syair berdasarkan jantina murid-murid

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini cuba mengenal pasti keberkesanan strategi pengajaran bacaan penghayatan terhadap sekumpulan murid-murid yang mengikuti pengajaran dengan menggunakan pantun dan syair sebagai bahan pengajaran. Kajian ini juga diharap dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Iban. Strategi pengajaran yang berkesan serta penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai serta diolah melalui strategi pengajaran bacaan penghayatan diharap dapat mengubah sikap dan pandangan murid-murid Iban terhadap pantun dan syair serta menjadi salah satu alternatif strategi bagi membantu mempertingkatkan penguasaan pencapaian murid-murid. Jika strategi pengajaran bacaan penghayatan di dapati berkesan untuk meningkatkan penghayatan murid-murid Iban terhadap pantun dan syair. Maka pengajaran yang diamalkan sekarang perlu dipadansuaikan dengan matlamat dan objektif komsas.

Penggunaan strategi pengajaran bacaan penghayatan sebagai satu alternatif yang akan dilaksanakan dalam pengajaran bahasa masih lagi baru hanya bermula sekitar tahun 1980-an (Azman Wan Chik 1981, 1982). Dengan menggunakan strategi pengajaran bacaan penghayatan diharapkan dapat mencapai matlamat pendidikan bahasa Melayu yang disampaikan melalui komsas. Strategi pengajaran bacaan penghayatan mempunyai peranan dalam

mencapai berbagai-bagai aspek dan hala tuju pendidikan seperti pendidikan susila, sosial, perasaan, sikap, penilaian dan keagamaan yang menjadi teras di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pantun dan syair boleh digunakan bagi memantapkan lagi pengetahuan dan pengalaman murid-murid tentang bahasa Melayu.

Bacaan penghayatan mementingkan penguasaan isi secara dalaman dan luaran bagi membentuk sahsiah diri murid. Herman J. Waluyo (2003), Ishak Ramly (2000), Jakob Sumardjo dan Saini (1988) dan Putu Arya Tirtawirya (1983) berpendapat bacaan penghayatan mampu membentuk personaliti, mengasuh kefahaman pemikiran, menghalusi nilai keindahan, memperolehi nilai-nilai kehidupan untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan bertamadun dan membentuk manusia menjadi lebih sensitif terhadap kehidupan sejangat. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa strategi pengajaran bacaan penghayatan harus diberikan penelitian dan tumpuan agar murid-murid bukan sahaja dapat menguasai isi tetapi dapat menghayati perutusan yang disampaikan melalui pantun dan syair.

Satu lagi kenyataan yang sukar dielakkan ialah tentang penilaian terhadap sesuatu mata pelajaran itu berdasarkan kepada nilai ekonomi. Jika orientasi ini menjadi matlamat utama maka terjadilah keadaan pengajaran dan pembelajaran berfokus kepada peperiksaan dan kurang memberikan tumpuan kepada strategi pengajaran bacaan penghayatan. Sedangkan yang dituntut

dalam satu pengajaran bahasa Melayu, menengah atas ialah supaya murid-murid dapat mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran secara seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berilmu, berakhlak yang mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

Oleh yang demikian murid-murid bukan sahaja disebatikan dengan hasrat yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan tetapi lebih jauh dari itu murid-murid juga berkeupayaan untuk menggunakan berbagai deria untuk membina sahsiah diri serta dapat memiliki ilmu dan menghayati estetika seni. Penghayatan terhadap estetika seni ini bermaksud murid-murid dapat meneladani dan melengkapkan diri dengan ilmu tentang keindahan alam seni dan alam semesta yang saling berhubungan dengan watak, keadaan, fenomena, estetik dan hukum kemanusiaan yang terdapat dalam karya.

Jika sekiranya pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu masih berlandaskan hafalan, ketepatan penggunaan tatabahasa dan pengajaran perbendaharaan kata, maka dapatlah disimpulkan bahawa pengajaran bahasa Melayu masih belum mencapai tujuan yang termaktub di dalam kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV dan V, (2003), Kementerian Pendidikan Malaysia. Penolakkan ini diketengahkan kerana kedua-dua Sukatan Pelajaran memberi tumpuan kepada kemahiran bahasa dan

berbahasa dengan komsas menjadi penggerak kepada pembentukan sikap, nilai dan sahsiah yang menuju kesempurnaan insan.

## 1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di dua buah sekolah menengah di daerah Saratok, Bahagian Kesebelas, Sarawak. Oleh itu kesimpulan dan dapatan yang dibuat dalam kajian ini hanya dibatasi di daerah Saratok sahaja. Soal selidik dan ujian digunakan oleh penyelidik dengan tujuan mengkaji kesan strategi pengajaran bacaan penghayatan dalam pantun dan syair. Kaedah tinjauan berbentuk soal selidik hanya tertumpu kepada sikap dan penghayatan dalam pengajaran pantun dan syair. Praujian dan pascaujian digunakan untuk mengukur pencapaian murid.

Kajian ini melibatkan lima aspek latar belakang responden sahaja berdasarkan status sosial dan ekonomi (SES). Kajian ini hanya terhad kepada definisi konsep yang digunakan dalam kajian sahaja kerana aspek pelaksanaan lain dapat dilihat daripada perspektif yang berlainan pula. Empat jenis pantun telah dipilih dalam kajian ini. Pantun tersebut adalah seperti berikut;

- i. Pantun Kiasan
- ii. Pantun Mengenang Nasib
- iii. Pantun Enam Kerat dan

iv. Pantun Lapan Kerat

Di samping itu pengkaji akan menggunakan empat jenis syair sebagai bahan kajian. Syair tersebut adalah;

- i. Syair Pembunuhan Angreni
- ii. Syair Dandan Setia Dan Intan Terpilih
- iii. Syair Jong Pecah dan
- iv. Syair Kelebihan Ilmu

## **1.7 Definisi Operasional**

Dalam kajian ini istilah-istilah dikemukakan merujuk kepada konsep sikap yang dipadansuaikan bagi maksud kajian ini sahaja.

### **1.7.1 Strategi Pengajaran**

Kamus Dewan (2005:1525), mendefinisikan strategi sebagai rancangan yang teratur untuk mencapai matlamat atau kejayaan atau rancangan atau pendekatan yang utama yang dilaksanakan. Dalam konteks penyelidikan ini, strategi pengajaran bermaksud segala perihal membimbing, menegur, menasihati, membantu murid-murid ke arah kebaikan murid-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam atau luar bilik darjah.

## 1.7.2 Puisi

Dalam kajian ini puisi merujuk kepada karangan berangkap. Puisi sebagai hasil karya sastera yang dicipta oleh penyair dalam bentuk ungkapan atau rangkai kata yang berangkap-rangkap. Puisi adalah karya sastera dengan bahasa yang dipadatkan, dipersingkatkan dan diberikan irama dengan bunyi yang padu dan pemilihan kata-kata kias (imajinatif). Kata-kata betul-betul terpilih agar memiliki kekuatan pengucapan.

### 1.7.2.1 Pantun

Pantun sebagai cabang puisi tradisional membawa pengertian sejenis puisi yang mengandungi pembayang dan maksud. Pantun merupakan puisi tradisional Melayu paling popular. Dalam kajian ini jenis pantun yang digunakan ialah

- i. Pantun Mengenang Nasib
- ii. Pantun Kiasan
- iii. Pantun Enam Kerat dan
- iv. Pantun Lapan Kerat

### 1.7.2.2 Syair

Istilah syair datang dari bahasa Arab, Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2004), Annas Hj Ahmad (1991), Kementerian Pendidikan Malaysia (1990), dan Bakar Hamid (1976) yang bermaksud perasaan yang menyedari. Idea yang hendak disampaikan dalam syair termasuk cerita, buah fikiran, falsafah, kisah, sejarah atau puji-pujian. Syair merupakan karangan berangkap dan setiap rangkap terdiri daripada empat baris. Setiap baris merupakan maksud. Setiap rangkap syair berkaitan antara satu dengan rangkap-rangkap yang lain. Jenis-jenis syair yang akan digunakan dalam kajian ini ialah

- i. Syair Pembunuhan Angreni
- ii. Syair Dandan Setia Dan Intan Terpilih
- iii. Syair Jong Pecah
- iv. Syair Kelebihan Ilmu

### 1.7.3 Penghayatan

Dalam konteks kajian ini penghayatan meliputi penghargaan dan penghormatan terhadap karya seni yang dinikmati melalui deria, terutama dalam hubungannya dengan kehalusan perasaan, kepekaan dan ketelitian pencipta karya seni itu, lebih-lebih lagi dari segi nilai estetika. Penghayatan juga merupakan hasil daripada proses penilaian yang kritis dan lazimnya pengakuan atau penghargaan itu lahir daripada kepuasan estetika atau nilai keindahan

estetik dalaman yang dapat diramalkan atau diperoleh daripada sesebuah karya. Kegembiraan dan kesedihan yang dirasai oleh murid-murid lahir daripada kesedaran terhadap rasa kemanusiaan apabila mereka membaca .

#### **1.7.4 Strategi Pengajaran Bacaan Penghayatan**

Azman Wan Chik (1986), menjelaskan pendekatan pengajaran penghayatan merupakan strategi pengajaran yang memberi penumpuan kepada pengalaman dan pendapat murid-murid tanpa semata-mata bergantung kepada pendapat pengarang atau guru. Strategi pengajaran bacaan penghayatan lebih menitikberatkan penikmatan dan penghayatan murid terhadap bahan yang dibaca.

Dalam konteks kajian ini strategi pengajaran bacaan penghayatan menekankan penikmatan dan pengalaman murid-murid untuk mendapatkan sesuatu pengalaman baru. Oleh yang demikian strategi pengajaran bacaan penghayatan merupakan kematangan jiwa untuk memahami, penikmatan, memiliki sikap yang positif terhadap puisi tradisional. Strategi pengajaran bacaan penghayatan berasaskan apa yang dialami dan dirasai oleh pembaca melalui pengalaman, perenungan dan penganalisan bahan yang digunakan.

### **1.7.5 Sikap**

Kamus Dewan (2000 : 1278) menyatakan sikap merujuk kepada perbuatan atau pandangan yang berdasarkan kepada sesuatu pendapat (fikiran dll) dalam hatinya. Dalam konteks kajian ini sikap merujuk kepada kecenderungan individu untuk memberikan respon secara positif atau negatif terhadap sesuatu objek atau situasi berdasarkan pertimbangan akal dan perasaan. Dalam konteks kajian ini sikap juga merujuk kepada tanggapan murid-murid Iban terhadap mata pelajaran bahasa Melayu (komsas), sikap terhadap guru dan sikap terhadap penghayaan yang diperoleh melalui pengajaran dengan menggunakan pantun dan syair.

### **1.7.6 Pencapaian**

Pencapaian merujuk kepada markah ujian yang diperoleh oleh pelajar setelah melalui satu jangka masa proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks kajian ini pencapaian dimaksudkan sebagai markah yang diperoleh oleh murid setelah mengambil praujian dan pascaujian. Markah-markah akan dinilai berdasarkan peratusan ketepatan jawapan yang diberi oleh murid.

### **1.7.7 Strategi Pengajaran Bacaan Eklektik**

Dalam konteks kajian ini strategi pengajaran bacaan eklektik merujuk kepada pengabungan kedua-dua strategi pengajaran deduktif dan strategi pengajaran induktif untuk menghasilkan satu strategi pengajaran bercampur-campur berdasarkan adunan dan budibicara guru. Kemahiran-kemahiran bahasa diajar mengikut susunan, iaitu bertutur, membaca, memahami dan menulis.

### **1.8 Kesimpulan**

Penggunaan bahan-bahan sastera (komsas) dalam mata pelajaran bahasa Melayu dijangka dapat merapatkan kefahaman yang mendalam tentang kebudayaan bangsa. Dengan itu murid-murid akan didedahkan dengan pantun dan syair bagi memupuk nilai-nilai yang positif secara implisit. Kehalusan tutur kata yang singkat dan padat dalam pembinaan pantun dan syair berupaya membentuk kehalusan budi pekerti yang tinggi di dalam diri murid setelah mereka meniggalkan bangku sekolah.

Penerapan pantun dan syair ke dalam mata pelajaran bahasa Melayu dapat merapatkan silaturahmi dalam kalangan murid-murid berbagai bangsa di Malaysia. Murid-murid Iban tidak terkecuali daripada hasrat yang hendak dicapai oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Hanya dengan menghayati nilai-

nilai sosial yang positif dapat menyatupadukan rakyat Malaysia. Melalui amalan konsep menghargai dan menghayati budaya bangsa-bangsa di Malaysia dapat dipupuk sikap kerjasama dalam kesatuan bangsa Malaysia yang unggul dan sepadu.

## 2.3.1.1. Penghayatan

Penghayatan di lakukan di dalam kehidupan kepada penghayatan terhadap nilai-nilai, kebudayaan, bahasa, adat istiadat, dan sebagainya dalam kehidupan sosial dan budaya masyarakat. Penghayatan yang dilakukan oleh masyarakat Malaysia untuk menghormati dan menghargai budaya bangsa-bangsa di Malaysia dapat dipupuk sikap kerjasama dalam kesatuan bangsa Malaysia yang unggul dan sepadu.

## 2.3.1.2. Penghayatan Budaya

Penghayatan budaya ialah sikap menghormati dan menghargai budaya bangsa-bangsa di Malaysia. Penghayatan budaya dapat dipupuk sikap kerjasama dalam kesatuan bangsa Malaysia yang unggul dan sepadu. Penghayatan budaya dapat dipupuk sikap kerjasama dalam kesatuan bangsa Malaysia yang unggul dan sepadu.